

19 DEC 1996

Mahathir-India

MAHATHIR MULAKAN LAWATAN RASMI KE INDIA

Oleh: Zainoor Sulaiman

NEW DELHI, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan rasmi empat hari yang bertujuan mengukuhkan hubungan dengan kerajaan baru Barisan Bersatu India.

Perdana Menteri dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berserta rombongan peringkat tinggi, yang termasuk tiga menteri kabinet dan pemimpin korporat, disambut di Pangkalan Tentera Udara Palam di sini oleh Menteri Perdagangan B.B. Ramaya dan pegawai-pegawai kanan daripada pejabat luar India dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini.

Perdana Menteri India H.D. Deve Gowda akan menyambut Dr Mahathir secara rasmi pada satu majlis sambutan di pekarangan kediaman Presiden dan kompleks pentadbiran di Rashtrapati Bhavan.

Anggota kabinet yang mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan kali ketiganya ke sini ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan Timbalan Menteri Luar Dr Leo Michael Toyad.

Rombongan itu turut disertai 40 tokoh perniagaan Malaysia termasuk Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajuddin Ramli, Pengerusi Eksekutif Renong Tan Sri Halim Saad, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Bumiputra Datuk Abdul Aziz Othman, Pengerusi Kumpulan Berjaya Tan Sri Vincent Tan, Pengerusi Business Focus Datuk Amin Shah Omar, Pengarah Urusan Country Heights Datuk Lee Kim Yew, Pengerusi Eksekutif Globe Silk Store Tan Sri T.J. Kishu dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Penggalakan Minyak Sawit Malaysia Tan Sri Dr Yusof Hashim.

Esok, beliau akan menerima anugerah Jawaharlal Nehru bagi Persefahaman Antarabangsa, yang merupakan kemuncak lawatannya.

Penganugerahan itu dilihat oleh kalangan diplomat di sini sebagai satu pengiktirafan khas oleh kerajaan India bagi sumbangan dan peranannya dalam menggalakkan perpaduan di kalangan negara membangun.

Selain menemui rakan sejawatannya, Dr Mahathir akan juga mengunjungi Presiden Dr Shankar Dayal Sharma dan Naib Presiden K.R. Narayanan.

Semasa pertemuannya dengan para pemimpin India itu, perdana menteri dijangka membincangkan kerjasama dua hala yang telah meningkat sejak kebelakangan ini dan isu-isu serantau dan antarabangsa yang lain.

India dijangka membangkitkan isu mengenai kemungkinan penyertaannya dalam mesyuarat Asia-Eropah semasa rundingan itu.

Dr Mahathir akan berucap pada Persekutuan Industri India (CII) sebelum menyaksikan majlis menandatangani kira-kira 30 perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat India dan Malaysia.

Beliau akan juga melancarkan siri Ceramah Asean-India.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia berkata mereka berminat untuk mengambil bahagian dalam projek-projek infrastruktur, termasuk lebuh raya, telekomunikasi, pelabuhan dan stesen janakuasa.

Perdagangan dua hala telah meningkat tiga kali ganda daripada AS\$477 juta (RM1.2 bilion) pada tahun 1993-94 kepada AS\$1.2 bilion pada 1995-96.

Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak AS\$471 juta pada 1995-96 berbanding lebih AS\$1.2 juta pada 1993-94.

Eksport utama Malaysia ke India termasuk minyak sawit, kayu dan produk kayu, getah asli, jentera dan instrumen optik.

Import Malaysia antara lain ialah daging, jentera dan instrumen, peralatan pengangkutan dan beras.

Dr Mahathir akan juga ke Bangalore untuk melawat Hindustani

Aeronautical Ltd dan Pertubuhan Penyelidikan Angkasa Lepas India (Isro). --  
BERNAMA  
ZS AKD